



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

MAJLIS SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

LOKASI / TARIKH / MASA

**LANAI KIJANG, BANK NEGARA
21 JULAI 2025 (ISNIN)
4.00 PETANG**

Kemas kini 18 Julai 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam satu majlis yang cukup bermakna hari ini – **Hari Penduduk Sedunia 2025.**
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada LPPKN dan rakan strategik kami, UNFPA, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Universiti Malaya atas kolaborasi strategik dalam menjayakan sambutan tahun ini.

(A) TEMA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

3. Tema Hari Penduduk Sedunia tahun ini – ***"Empowering young people to create the families they want in a fair and hopeful world"*** – amat relevan dengan situasi semasa dan patut diberi perhatian.
4. *This year's theme is not just a slogan. It is a call to action: to listen, understand, and support the aspirations of our young people — not with instruction, but with empathy.*

(B) MALAYSIA MENUA, MASA DEPAN YANG MENCABAR

5. Malaysia sedang berhadapan dengan trend demografi yang berubah. Dahulu kita dikenali sebagai negara muda, tetapi kini bilangan generasi muda semakin mengecil, manakala warga emas pula semakin ramai.
6. Perubahan ini berpunca daripada dua faktor utama – rakyat hidup lebih lama, dan kadar kelahiran yang terus menurun. Semakin ramai hidup lebih lama dan sihat, Alhamdulillah, namun kelahiran bayi pula semakin berkurangan.

7. Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) negara kini adalah 1.7 anak bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian semula penduduk iaitu 2.1. Lebih membimbangkan, data menunjukkan hanya 93,500 kelahiran direkodkan bagi suku pertama tahun 2025 – menurun lebih 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

8. *Malaysia's Total Fertility Rate is now at 1.7 children per woman — far below the population replacement level of 2.1. In just the first quarter of 2025, only 93,500 births were recorded — a drop of over 11% from the year before.*

These numbers are not just statistics. They represent a growing urgency for policy, support, and awareness.

9. Perubahan demografi ini bukan sekadar soal statistik, tetapi membawa implikasi besar kepada pembangunan negara. Kita menghadapi keperluan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat, kebergantungan kepada sokongan sosial, dan daya tahan sistem ekonomi yang semakin mencabar.

10. Namun, satu persoalan besar yang sering kita dengar ialah — kenapa semakin ramai anak muda menangguhkan perkahwinan atau memilih untuk tidak membina keluarga? Adakah mereka tidak berminat? Jawapannya tidak. Realitinya, mereka masih mahu berkeluarga, tetapi berdepan dengan tekanan hidup yang semakin mencabar.
11. *Young people still want families — but they face real struggles: high living costs, low wages, student loans, unaffordable housing, and limited childcare options. These are not complaints — they are daily realities.*

12. Malah, menurut laporan UNFPA, hampir satu daripada lima orang dewasa di 14 negara menyatakan mereka mungkin tidak dapat memiliki bilangan anak yang mereka inginkan. Daripada jumlah ini, 39 peratus menyatakan kekangan kewangan sebagai halangan utama — termasuklah kos sara hidup, penjagaan anak, perumahan dan ketidaktentuan pekerjaan. Maka, di sinilah letaknya tanggungjawab kita — untuk mendengar, memahami dan bertindak.

(C) DASAR: MENJAWAB CABARAN KEPENDUDUKAN

13. Kerajaan sedar akan cabaran yang dihadapi anak muda yang ingin membina keluarga. Antara langkah yang telah diperkenalkan termasuklah cuti bersalin dan cuti paterniti, bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, serta penyediaan kemudahan penjagaan anak seperti TASKA. LPPKN juga menekankan kesedaran tentang kesihatan reproduktif dan kekeluargaan agar pasangan muda dapat merancang kehidupan berkeluarga dengan lebih yakin dan sejahtera.

14. Dalam menghadapi cabaran penurunan kadar kesuburan, Kerajaan melalui KPWKM dan LPPKN telah mengambil langkah-langkah proaktif. Antaranya termasuk:

- Penggubalan dan pelaksanaan **Dasar Keluarga Negara** untuk memperkukuh institusi kekeluargaan;
- Penubuhan **Pusat Subfertiliti Negara** yang bakal beroperasi menjelang tahun 2029;

- Pelaksanaan **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)** yang disasarkan kepada 30,000 pasangan menjelang 2025;
- **Subsidi TASKA dan cuti bersalin fleksibel** untuk menyokong pasangan muda;
- dan Program pendidikan kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seperti **PEKERTI, SMARTSTART** dan **Kafe@TEEN**.

15. Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada pendekatan holistik yang inklusif dan mesra belia. Kita mahu anak-anak muda membina keluarga dalam suasana yang stabil, disokong oleh dasar yang relevan, dan dikelilingi oleh harapan, bukan kerisauan.

(D) WACANA KEPENDUDUKAN, WAJAH MASA DEPAN

16. Sempena Hari Penduduk Sedunia, satu forum penting bertajuk “Menangani Krisis Kependudukan” telah diadakan tengah hari tadi.
17. *This afternoon’s forum titled “Addressing the Population Crisis: Towards a Sustainable and Inclusive Future” was a critical space for reflection and strategy. I believe the insights from today’s panellists will shape stronger, more responsive population and family policies.*

18. Kita juga merayakan peluncuran Laporan Tahunan UNFPA: ***"The Real Fertility Crisis: The Pursuit of Reproductive Agency in a Changing World."*** Laporan ini menekankan hak membuat keputusan, akses terhadap pilihan reproduktif, serta keadilan antara generasi.

19. Saya dimaklumkan bahawa sebagai susulan kepada forum hari ini, satu **Sesi Perbincangan Pakar (Expert Group Meeting)** akan diadakan tidak lama lagi. Sesi ini akan menghimpunkan pakar dalam bidang dasar sosial, ekonomi, kesihatan reproduktif dan kekeluargaan untuk merangka pelan tindakan menyeluruh bagi menangani isu kesuburan rendah.

20. Apa yang lebih membanggakan, sambutan Hari Penduduk Sedunia tahun ini turut diperluas ke peringkat negeri – buat pertama kalinya. Sepanjang Julai dan Ogos, LPPKN negeri bersama agensi-agensi tempatan akan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti forum dan seminar, melibatkan lebih 5,000 peserta.

(E) HARAPAN DAN PENGHARGAAN

21. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik kita – termasuk UNFPA, Jabatan Perangkaan Malaysia, Universiti Malaya serta semua jabatan, agensi dan individu yang terlibat dalam menjayakan sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025.

22. *To all who are here today — Members of Parliament, ministry representatives, NGOs, private sector and community partners — thank you. Your presence reflects our shared commitment to building a better, more inclusive future for Malaysia's families.*
23. Saya berharap forum hari ini telah menjadi medan pertukaran idea yang bermakna, dan menyumbang kepada cadangan dasar yang mampan.

24. *I end my speech with a quote from **Melinda Gates**,*

“Policies that support families are not handouts – they are investments in our collective future.”

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

21 Julai 2025